

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 10 Jun 2024.



Untuk Terbitan Media

10 Jun 2024

SIARAN MEDIA

BALU BEKAS KAKITANGAN NSTP TERIMA FAEDAH PERKESO ALERT:PEROLEH FAEDAH BULANAN LEBIH RM2,400 SEPANJANG HAYAT

PUTRAJAYA – Tanggungjawab sebagai seorang suami dan bapa dalam melindungi keluarganya tetap diteruskan walaupun telah meninggal dunia pada 5 Jun lalu menerusi Faedah diperoleh daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, hasil semakan PERKESO mendapati waris Allahyarham Ahmad Irham Mohd Noor,43 layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Pencen Penakat bawah Skim Keilatan berikutnya suaminya adalah pencarum aktif bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak tahun 2000.

"Bekas kakitangan New Straits Times Press (NSTP) yang berkhidmat selama hampir 20 tahun sehingga Mac 2020 meninggal dunia akibat 'Severe Sepsis With Multiorgan Failure' di Hospital Putrajaya selepas mengalami gejala demam dan jangkitan kuman dalam darah pada 28 Mei lalu.

"Hasil penelitian pihak PERKESO selain balunya Azlimi Ayub@Abdullah,43, beliau turut memiliki dua orang anak masing-masing berumur 14 dan 18 tahun, yang kesemua mereka layak menerima FPM bernilai RM3,000 secara sekali bayar dan Pencen Penakat berjumlah bulanan sebanyak RM2429.38 setiap bulan untuk sepanjang hayat serta dua anaknya layak menikmati faedah berkenaan sehingga berusia 21 tahun jika belum berkahwin dan boleh dilanjutkan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama," jelasnya lagi.

Terdahulu PERKESO menguatkuasakan kadar bayaran FPM yang baharu iaitu RM3,000 berbanding RM2,000 sebelum ini dan telah mula dikuatkuasa pada 1 Jun lalu.

Sementara itu, Subahan memberitahu walaupun Allahyarham bukan lagi pencarum aktif berikutan tidak lagi berkhidmat dengan NSTP serta menjalankan aktiviti pertanian dengan menanam cili dan timun, namun rekod caruman sedia ada telah berupaya membantu waris keluarga beliau untuk meneruskan kehidupan selepas pemergiannya.

“Pemberian faedah ini membuktikan setiap caruman yang dibuat adalah demi kemaslahatan pencarum dan orang tanggungannya sekiranya berlaku musibah.

“Justeru, majikan yang masih belum mendaftar dan mencarum PERKESO diseru untuk mengambil ibrah daripada kejadian ini dengan laksanakan tanggungjawab mendaftar dan mencarumkan pekerja demi manfaat semua pihak terutamanya dalam tempoh pelanjutan Bulan Pemutihan yang dilaksanakan PERKESO sehingga 30 Jun ini,” beliau berkata demikian ketika menziarahi waris keluarga Irham di Putrajaya hari ini.

Program Ziarah Prihatin turut dihadiri oleh, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Timbalan Ketua Eksekutif Operasi PERKESO, John Riba Marin, Pengarah PERKESO Putrajaya, Norliza Noordin bersama Skuad PERKESO Prihatin Putrajaya.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

10 Jun 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my